

Bangkok "Lebih 1.3 juta kilogram ikan tilapia *blackchin* sudah ditangkap di Thailand," kata pihak berkuasa perikanannya, kelmarin, ketika kerajaan berjuang menghapuskan spesies invasif itu.

Ikan tilapia *blackchin* yang boleh menghasilkan sehingga 500 anak ikan pada satu-satu masa di temukan di 19 wilayah Thailand.

Ia merosakkan ekosistem di sungai, paya dan terusan, dengan memakan larva ikan kecil, udang dan siput.

Selain kesan ekologi, kerajaan bimbang kesannya terhadap industri penternakan ikan di negara itu.

Nattacha Boonchaiinsawat, Naib Presiden Jawatankuasa Parlimen ditubuhkan untuk menangani pembiakan ikan itu berkata, pihak berkuasa perikanan menangkap 1.332 kg ikan tilapia hitam antara Februari lalu dan 28 Ogos lalu.

# Thailand tangkap 1.3 juta kilogram ikan tilapia invasif



FOTO pada 15 Julai lalu menunjukkan seorang lelaki menangkap ikan tilapia *blackchin* di sebuah terusan di Bangkok. - AFP

"Kami bercakap dengan penduduk tempatan dan mendapati penyebaran tilapia semakin teruk, mereka menemukannya dalam terusan kecil, yang tidak berlaku sebelum ini," katanya kepada AFP.

"Tilapia hitam itu membebankan ekonomi

Thailand dengan kerugian 10 bilion baht (RM127 juta)," kata Nattacha.

Ikan yang berasal dari Afrika Barat itu pertama kali ditemukan di sungai Thailand pada 2010 sebelum membiak dengan cepat pada 2018. Ia kini turut ditemukan di Flo-

rida, Amerika Syarikat (AS) dan Filipina.

Julai lalu, Kerajaan Thailand mengisyaitarkan pembasmian spesies itu sebagai keutamaan negara dan mula menggalakkan orang ramai memakan ikan berkenaan.